

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Monday, 11 May, 2020 12:51 PM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: PKP 3: Rancakkan Aktiviti Penulisan Ilmiah Dan Kajian Berimpak Tinggi

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 20 April 2020 11:08

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: PKP 3: Rancakkan Aktiviti Penulisan Ilmiah Dan Kajian Berimpak Tinggi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 APRIL 2020 / 26 SYAABAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PKP 3: RANCAKKAN AKTIVITI PENULISAN ILMIAH DAN KAJIAN BERIMPAK TINGGI



UUM ONLINE: Staf akademik UUM perlu bijak memanfaatkan masa terluang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dengan merencanakan aktiviti penulisan ilmiah dan kajian berimpak tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, sepanjang tempoh PKP ini adalah waktu yang sesuai untuk rakan pensyarah menulis dan menentengahkan hasil kajian yang masih belum diterbitkan.

Menurutnya, bahan ilmiah seperti tesis lama mungkin boleh diolah semula untuk penerbitan buku dan sebagainya.

"Tambahan lagi, kerajaan telah mengumumkan bahawa aktiviti penyelidikan berkaitan Covid-19 dianggap 'essential', justeru gunakan peluang diberikan ini untuk menjalankan penyelidikan atau penulisan ilmiah.

"Malah, UUM juga telah menawarkan dana berjumlah RM100,000 untuk tujuan penyelidikan bagi menyelesaikan masalah berkaitan Covid-19, selain Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang turut menawarkan peluang penyelidikan dengan jumlah minimum RM20,000 untuk penyelidikan yang boleh membantu kerajaan membendung wabak itu," katanya.

Terdahulu, beliau telah melawat proses pembuatan pakaian perlindungan diri (PPE) dan *hand sanitizer* yang diusahakan Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) dengan kerjasama SCIMPA, Pusat Kurikulum dan FInDER, STML.

Prof. Dr. Ayoib berkata, projek yang dijalankan pusat tanggungjawab (PTJ) itu adalah sangat baik dan relevan serta memenuhi hasrat universiti untuk melibatkan diri dalam komuniti, malah penglibatan pelajar dalam semangat kesukarelawanan juga sangat baik dalam mempersiapkan diri mereka apabila tamat pengajian kelak.

Menurutnya, projek yang sedang diusahakan itu akan diteruskan walaupun tempoh PKP telah tamat dan pihak universiti akan bekerjasama dengan Hospital Sultanah Bahiyah dan Pejabat Kesihatan Negeri Kedah untuk menjadi pembekal pada masa hadapan.

Katanya, beliau juga menghargai usaha yang dilakukan staf dan pelajar universiti ini dan berharap mana-mana projek yang dibangunkan akan terus berjalan kerana di samping menjadi gedung ilmu, UUM juga mampu menyumbang tenaga dan usaha untuk masyarakat dalam memerangi pandemik Covid-19.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.